

Pilihan raya kampus UMSKAL buka sesi kempen Jumaat, Sabtu

UB 12.10.2018 B4

Oleh HENRY BATING

LABUAN: Seramai 12 calon Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) bersaing meraih sokongan lebih 2,000 warga kampus di sini pada Jumaat dan Sabtu dalam kempen pilihan raya kampus bagi merebut lima kerusi yang dipertandingkan.

Kalangan calon pada Khamis mula menemui warga kampus dengan memperkenalkan diri beserta poster masing-masing untuk merebut sokongan pada hari pengundian yang akan diadakan 17 Oktober ini.

“Calon-calon akan menemui pengundi dalam sesi kempen dua hari dengan mengadakan pengucapan awam di tempat-tempat yang telah ditentukan bagi memaklumkan

manifesto masing-masing demi mewujudkan suasana kondusif kehidupan warga kampus yang lebih mesra pelajar,” kata seorang ahli jawatankuasa sesi kempen.

Lima kerusi yang dipertandingkan melibatkan dua kerusi bagi kawasan umum, dua kerusi bagi Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) serta satu kerusi untuk Fakulti Komputeran dan Informatik

(FKI).

Calon-calon yang bertanding merebut dua kerusi umum ialah Junita Jumadi, Mohd Nazri Mohamad, Fauzan Mirza Eko, Nadia Mohd Arif Teo dan Muhamad Zulisryaf Zulkiflee.

Bagi dua kerusi FKAL, calon-calon yang bertanding terdiri daripada Kieran Lim, Emlyn Anak Jonathan Sunggoh, Khairunnisa Abdullah, Zakiah Hanim Abdullah dan Nur Fhadilah Darlim.

Sementara bagi satu kerusi FKI, dua calon bertanding terdiri daripada Julian Joenas dan Nurfarah Shakila Nicolas.

Lima wakil yang terpilih bakal menduduki kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar UMS yang melibatkan kampus induk Kota Kinabalu, Kampus Antarabangsa Labuan dan Kampus Lestari Sandakan.



CALON-CALON pilihan raya kampus UMSKAL mula berkempen.